

TEMPAT pembuangan sampah haram berhampiran Kampung Sungai Chinchin runtuh.

Tebing 200m runtuh

■ 300 penduduk bimbang berlaku tragedi akibat pembuangan sampah haram

Oleh Ardyhansah Amat
ardyhansah@mediaprima.com
Gombak

Lebih 300 penduduk Kampung Sungai Chinchin, di sini, kini dihantui tragedi tanah runtuh apabila tebing setinggi 200 meter berhampiran rumah mereka runtuh dalam satu kejadian kira-kira dua minggu lalu.

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, kejadian itu berpunca daripada aktiviti pembuangan sampah secara haram dilakukan di Taman

“Aktiviti itu juga menyebabkan aliran Sungai Chinchin kini menjadi semakin kecil”

Nor Hisham Ahmad Dahlan

Sri Gombak Town Villa yang terletak di bahagian atas, Kampung Sungai Chinchin, sejak 2011.

“Hasil pemeriksaan dengan Majlis Perbandaran Selangor (MPS) mendapati berlaku aktiviti pembuangan

sampah secara haram.

“Malah, ada kemungkinan aktiviti itu juga bertujuan untuk menimbus kawasan tebing sebelum sebarang aktiviti pembinaan struktur termasuk perumahan dilakukan di situ seperti yang biasa berlaku di tempat lain.

“Justeru, siasatan rapi akan dilakukan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTDG) dan notis 7A dibekirkan kepada lima pemilik tanah seluas 1.2 hektar itu bagi mengarahkan kerja baik pulih segera dilakukan dalam tempoh tiga bulan,” katanya kepada media selepas lawatan di lokasi kejadian, di sini semalam.

Difahamkan jika pemilik tanah gagal mematuhi arahan notis 7A, PTDG akan mengeluarkan notis 7B untuk pemilik tanah menge-

mukakan rayuan dan tunjuk sebab mengapa gagal membaikpulih kawasan terbabit seperti yang diarahkan.

“Jika masih gagal lagi, maka PTDG akan mengeluarkan notis 8A dan rampasan tanah akan dilakukan.

“Selain itu, aktiviti itu juga menyebabkan aliran Sungai Chinchin kini menjadi semakin kecil. Bagi mengatasi masalah ini secara keseluruhan, MPS akan menutup kawasan pembuangan itu, selain pengawasan rapi bagi memastikan tiada lagi pembuangan sampah dilakukan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Sungai Chinchin, Khazari Mat mahu tindakan tegas diambil terhadap pihak bertanggungjawab yang menyebabkan tanah runtuh berlaku di situ.